

19 AUG 2003

MALAYSIA-SYRIA

FLARE STUDIOS & SYARIKAT SYRIA DALAM USAHA NIAGA UNTUK BANGUNKAN
INDUSTRI KANDUNGAN KREATIF

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Syarikat bertaraf MSC, Flare Studios Sdn Bhd, dan sebuah syarikat Syria hari ini menandatangani perjanjian untuk memaju dan mengeluarkan karya kreatif serta bertukar-tukar kepakaran bagi industri kandungan kreatif kedua-dua negara.

Kenyataan daripada Flare Studios yang dikeluarkan hari ini menyebut, perjanjian itu merupakan susulan kepada lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke negara itu baru-baru ini.

Ketua pegawai eksekuti Flare Studios, Miza Mohamad berkata, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan melalui usaha dedikasi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bagi mempertingkatkan hubungan dua hala, dan melalui keupayaan rangkaian Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) serta ketua pegawai eksekutifnya, Datuk Dr. Mohamed Arif Nun.

Flare Studios adalah sebuah syarikat pengeluaran dan pengedaran filem animasi dan penumpuan media tempatan yang ditubuh berasaskan konsep studio media berasingan, iaitu audio, video, program interaktif sertas animasi 2 Dimensi dan 3 Dimensi.

Perjanjian itu dijangka mewujudkan hasil positif bagi mendedahkan kedua-dua negara kepada budaya perniagaan satu sama lain serta memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk memanfaatkan kelebihan satu sama lain, kata Miza. -- BERNAMA

CL SD KY AHM